

yang diadakan oleh Konsul Indonesia di Pulau Pinang itu. Bukti yang nyata dan terang dapat dilihat pada gambar itu dan sekarang kita mahu bertanya: Apa kata kerajaan Indonesia dalam hal ini?

\*\*\*

### Menyambut Persidangan “PAS”

Persatuan Islam se-Malaya telah berjaya melancarkan sidangnya di Kuala Lumpur pada 23,23 dan 25 Disember yang lalu. Dalam siding ini terbentuk satu dewan pimpinan “PAS” yang baharu yang bakal bertanggungjawab kepada ahli “PAS” khasnya dan umat Islam amnya dalam menyampaikan cita-cita dan tujuan umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini menghadapi perubahan-perubahan yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Darah baru dan jiwa baru yang dimasukkan dalam “PAS” ini diharap akan dapat bergerak dengan jihadnya untuk menegakkan hukum Tuhan, untuk meninggikan kalimah Tuhan di negeri ini dengan mengharap bantuan dan pertolongan Tuhan untuk menjayakannya. Janganlah hendaknya pemimpin-pemimpin “PAS” gentar kerana kecil, kecil tidak bermakna kekalahan tetapi kecil akan mendapat kemenangan apabila Tuhan akan menolong kita bersama.

Janganlah hendak pemimpin “PAS” yang akan datang ini berpendirian tidak tegas, tidak tegas menyatakan pendiriannya kepada pengertian-pengertian musuh-musuh Islam atau orang kafir. Ia hendaklah menunjukkan ketegasan-ketegasan supaya umat mengetahui dan yakin bahawa mereka berjuang bukan kerana merebut kemuliaan, bukan kerana merebut kedudukan tetapi perjuangan mereka semata-mata untuk meninggikan syiar agama untuk menegakkan hukum Tuhan di mana

berada. Dengan keyakinan itu kita percaya perjuangan kita, perjuangan Islam itu akan berdiri dengan ikhlas, akan dijalankan dengan suci hati kerana tidak berharap kepada sesuatu pun. Tegas dan pertahankanlah pendirian Islam sekalipun dicela oleh manusia. Tetapi kalau Tuhan tidak mencela maka perjuangkanlah. Janganlah diperdulikan apa hendak dinista manusia apa yang akan dicela, apa yang akan dihamun. Serahkan orang pada kita asalkan sahaja perjuangan kita itu menegakkan dan meningkatkan kalimah Tuhan yang diwajibkan kepada umat Islam untuk melaksanakan.

Untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang tersebut mustahak benar pemimpin-pemimpin “PAS” sekarang menumpukan perhatiannya kepada “kerja dalam” ertinya menyusun barisan Islam dengan sepenuh tenaga dengan menjauhkan daripada mengambil peduli hal orang-orang lain seperti yang tercantum di dalam ucapan Yang Dipertua “PAS” yang baru,

#### Borang Langanan “Qalam”

Tolong masukkan saya sebagai pelanggan Majalah “Qalam” selama..... bulan, dan bersama ini saya sertakan wang sebanyak \$..... termasuk belanja pos.

Haribulan.....

Tanda Tangan

.....

Dr Burhanuddin. Kita berharap dengan sangat cara-cara mengkritik pertubuhan lain seboleh-bolehnya mesti dijauhi dan yang diutamakan ialah menyusun barisan Islam supaya ia berisi. Carilah kepercayaan rakyat, carilah kepercayaan umat- dan jangan sekali-kali duduk bersenang-senang kerana rakyat telah mempercayai "PAS" berideologi Islam.

Kita mengetahui bahawa kita mempunyai satu ideologi yang disusun Tuhan dan tegaslah di dalam melaksanakannya jangan ragu-ragu. Kalau kita dari sekarang tidak tegas maka awas bencananya akan besar kemudian nanti. Sebab itulah masa sekarang kerja yang utama bagi "PAS" ialah menyusun kekuatan untuk menghadapi segala kemungkinan-kemungkinan yang akan datang.

Meminta pertolonganlah kita bersama kepada Tuhan supaya kita menjadi mujahid-mujahid yang dari satu masa ke satu masa bersedia akan memberikan pengorbanan untuk kemuliaan agama kita. Bekerjalah dan berkorbanlah- itulah seruan kita.

#### Pemberitahuan

Syarahannya Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis dalam lawatannya ke Soviet Rusia yang mengemparkan itu sedang dibukukan!

Senaskah 40 sen, pos 10 sen sahaja.

Bagi anggota Ikhwan percuma, hanya dikehendaki menghantarkan 10 setem sahaja.

Pesan kepada:

Qalam,  
356/8, Geylang Road,  
Singapore, 14.

Kenyataan kepada anggota-anggota

## IKHWAN

Pemimpin Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota-anggota ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramah-ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar di Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan perhatian.

Yang kedua- Risalah "Kesedaran" telah kami siarkan tetapi kurang mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sedang kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasruddin Latif tentang "rumah tangga" sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu-satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota-anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seseorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya- lainnya tidak pintalah dihargakan.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja- selain daripada setem.

Pintalah kepada:

Ikhwan,  
358-B, Geylang Rd.,  
Singapore 14.